



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**28 JANUARI 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 358 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 247,112 kes. Dua (2) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu satu (1) kes di Keningau dan satu (1) lagi kes di Lahad Datu. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 177 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 238,698 orang. Manakala 792 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 363 orang di hospital, 415 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan 14 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / penjara. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 19 orang merangkumi 17 di ICU/repurposed kritikal *care* serta dua (2) di *open ward (HDW/kubikel akut)* dan tujuh (7) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*). Manakala bilangan pesakit *stage* empat (4) dan lima (5) yang masih belum lengkap vaksin ialah 10 (16.39%).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Nabawan berubah dari zon kuning ke zon hijau manakala Sipitang dan Kuala Penyu berubah dari zon merah ke zon jingga.

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Hijau satu (1) daerah.
- Zon Kuning tujuh (7) daerah.
- Zon Jingga tiga (3) daerah.
- Zon Merah 16 daerah.

## 5 Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah.

### i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes harian di Sabah terus meningkat hari ini dengan pertambahan 16 kes lagi berbanding semalam menjadikan jumlah keseluruhan 358 kes.
- b. Sebanyak lapan (8) daerah daripada 11 daerah yang mencatatkan kes dua (2) angka merekodkan kes-kes baharu yang agak tinggi iaitu Kota Kinabalu 66 kes, Sandakan 41 kes, Tuaran 39 kes, Penampang 32 kes, Beaufort 27 kes, Tawau 24 kes, Papar 22 kes dan Putatan 20 kes. Lapan (8) daerah lagi mencatatkan kes pada satu (1) angka dan tidak ada rekod kes baharu di lapan (8) daerah yang lain. Daerah Nabawan menjadi satu-satunya daerah yang berjaya mencapai sifar (0) kes selama 14 hari berturut-turut.
- c. Peratusan kes baharu yang datang daripada kluster-kluster aktif naik kepada 13.13% atau 47 kes hari ini. Angka-angka ini datang daripada kluster-kluster yang aktif dengan dua (2) daripadanya adalah daripada kluster baharu hari ini.
- d. Hari ini satu (1) kluster tempat kerja diisytihar di Papar tetapi melibatkan juga mereka yang tinggal di Tuaran dan Penampang. Indeks kes Kluster Persiaran Palma yang berumur 38 tahun bekerja di Bahagian Pentadbiran Kem PGA Kinarut Papar mula bergejala pada 22 Januari 2022, kemudiannya menjalani saringan sendiri sebelum disahkan positif di Pejabat Kesihatan Papar. Saringan terhadap rakan sekerja dan ahli keluarga telah dijalankan dan setakat ini jumlah kumulatif pesakit bagi kluster ini ialah 24 orang termasuk enam (6) kes baharu. Punca jangkitan kemungkinan besar berlaku semasa majlis harijadi salah seorang kakitangan di pejabat pada 17 Januari 2022. Kesemua kes telah diasingkan dan diberi rawatan yang sesuai.

- e. Satu (1) lagi kluster institusi pendidikan telah diisytihar di Kota Belud yang melibatkan pelajar-pelajar, guru-guru SK Dallas dan ahli keluarga mereka yang tinggal ditempat lain. Indeks kes adalah seorang wanita dan ibu saudara salah seorang murid yang dikesan positif melalui RT PCR sebelum menjalani rawatan. Saringan kontak rapat kemudiannya dilakukan dan mendapati tiga (3) pelajar SK Dallas adalah positif. Saringan selanjutnya telah dibuat keatas guru-guru dan rakan sekelas pelajar terbabit dan mendapati lebih ramai yang telah dijangkiti, setakat ini 22 orang. Kesemua mereka telah diasingkan dan dirawat sewajarnya.
- f. Sebanyak 353 daripada 358 kes baharu hari ini adalah dalam Kategori 1 dan 2, satu kes dalam Kategori 3, dua (2)kes dalam Kategori 4 dan dua (2) kes dilaporkan dalam Kategori 5.
- g. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang tidak statik dengan jumlah catatan sebanyak (143) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

## ii. Perincian Kes COVID-19 Hari Ini

- a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Bil.	Kategori Saringan	Bilangan Kes	Peratusan
1	Kluster	47	13.13%
2	Kontak	143	39.94%
3	Bergejala	140	39.11%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	28	7.82%
<b>JUMLAH</b>		<b>358</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (27 Januari 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 27/01/2022</b>	<b>Catatan Kes 28/01/2022</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Penampang	19	32	+13
2	Kota Belud	6	17	+11
3	Kota Kinabalu	60	66	+6
4	Tuaran	33	39	+6
5	Tambunan	2	8	+6
6	Tawau	19	24	+5
7	Papar	18	22	+4
8	Kinabatangan	3	7	+4
3	Kudat	2	6	+4
10	Ranau	10	13	+3
11	Semporna	0	2	+2
12	Telupid	0	2	+2
13	Sandakan	40	41	+1
14	Kunak	4	4	Mendatar
15	Nabawan	0	0	Mendatar
16	Kalabakan	0	0	Mendatar
17	Tongod	0	0	Mendatar
18	Kuala Penyu	0	0	Mendatar
19	Kota Marudu	34	19	-15
20	Keningau	13	3	-10
21	Beaufort	34	27	-7
22	Sipitang	7	0	-7
23	Putatan	24	20	-4
24	Tenom	3	0	-3
25	Lahad Datu	8	6	-2
26	Beluran	2	0	-2
27	Pitas	1	0	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>342</b>	<b>358</b>	<b>+16</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (14 Januari – 27 Januari)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Kota Kinabalu	1	38	19	0	8	66	608
Sandakan	2	12	27	0	0	41	365
Tuaran	0	32	5	0	2	39	354
Penampang	0	14	16	0	2	32	301
Beaufort	6	12	8	0	1	27	195
Tawau	18	0	2	0	4	24	126
Papar	6	3	11	0	2	22	208
Putatan	0	4	16	0	0	20	158
Kota Marudu	10	5	4	0	0	19	208
Kota Belud	4	2	9	0	2	17	104
Ranau	0	6	6	0	1	13	170
Tambunan	0	1	7	0	0	8	74
Kinabatangan	0	4	3	0	0	7	73
Lahad Datu	0	2	3	0	1	6	48
Kudat	0	3	2	0	1	6	17
Kunak	0	3	1	0	0	4	16
Keningau	0	1	0	0	2	3	98
Telupid	0	1	0	0	1	2	10
Semporna	0	0	1	0	1	2	8
Sipitang	0	0	0	0	0	0	40
Tenom	0	0	0	0	0	0	50
Beluran	0	0	0	0	0	0	31
Pitas	0	0	0	0	0	0	10
Kuala Penyu	0	0	0	0	0	0	34
Tongod	0	0	0	0	0	0	5
Kalabakan	0	0	0	0	0	0	3
Nabawan	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>47</b>	<b>143</b>	<b>140</b>	<b>0</b>	<b>28</b>	<b>358</b>	<b>3,314</b>

- d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Sandakan	Kluster Jalan Pertukangan	2
Kota Kinabalu	Kluster Batu 24 Nabal	1
Beaufort	Kluster Jalan Binunuk	4
	Kluster Montenior	2
Kota Marudu	Kluster Jalan Teritipan	10
Tawau	Kluster Jalan Sri Balung	18
Papar	Kluster Persiaran Palma	6
Kota Belud	Kluster Batu 24 Nabal	4
<b>Jumlah</b>		<b>47</b>

- 6 Terdapat **dua (2) kluster baharu** direkodkan hari ini.
- i **Kluster Batu 24 Nabal - Kota Belud, Tuaran, Kota Kinabalu** adalah kluster jenis institusi pendidikan. Kluster berlaku di dalam daerah Kota Belud melibatkan pelajar, ahli keluarga pelajar dan guru-guru SK Dallas. Selain itu, kluster ini juga melibatkan pesakit yang tinggal di daerah Kota Kinabalu dan Tuaran. Kes indeks merupakan wanita tempatan, 31, yang didapati positif RT PCR pada 17 Januari 2022 dan mendapatkan rawatan. Saringan terhadap kontak keluarga mendapati tiga (3) lagi murid SK Dallas positif. Saringan terhadap kontak rapat mengesan tiga (3) murid terdiri dari ahli keluarga dan rakan sekelas menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 22 kes. Semua kes positif telah diasingkan dan diberi rawatan yang selanjutnya.

ii **Kluster Pesiaran Palma - Papar, Penampang, Tuaran** dikategorikan sebagai kluster tempat kerja. Kluster ini terjadi di daerah Papar namun turut melibatkan kes yang tinggal di daerah Tuaran dan Penampang. Kes indeks juga wanita, 38, pekerja di bahagian Pentadbiran PGA Kem Kinarut Papar yang mula bergejala sejak 22 Januari 2022 dan dikesan positif hasil saringan bergejala di Pejabat Kesihatan Papar. Saringan terhadap kontak sekerja dan ahli keluarga mendapati sebanyak 24 lagi kes positif dengan enam (6) kes baharu yang dilaporkan pada hari ini. Penularan jangkitan disyaki berpunca daripada sambutan majlis hari jadi di pejabat berkenaan pada 17 Januari 2022. Semua kes telah di asingkan dan diberi rawatan yang sesuai.

7 Jumlah kapasiti katil 3,755 unit

- Hospital 1,158 unit.
- Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 2,407 unit.
- Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 162 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 21.09%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 28 JANUARI 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

Import/Tempatan	
Tempatan	352
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	5
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	0
<b>Jumlah</b>	<b>358</b>

Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	
Indonesia	2
Korea Selatan	2
Switzerland	1
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

Import B (Jangkitan Luar Sabah)	
Sarawak	1
<b>Jumlah</b>	<b>1</b>

### ii. Kewarganegaraan

Kewarganegaraan	
Malaysia	346
Bukan Malaysia	12
<b>Jumlah</b>	<b>358</b>

### iii. Status Vaksinasi

Status Vaksinasi	
Belum Layak Vaksin (Bawah 12)	52
Belum Menerima Vaksin	31
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	235
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	40
<b>Jumlah</b>	<b>358</b>

### iv. Umur

Umur (Tahun)	
<1	4
1 to 5	14
6 to 11	34
12 to 17	59
18 to 25	62
26 to 59	163
>60	22
<b>Jumlah</b>	<b>358</b>

## **C PENUTUPAN SEKOLAH-SEKOLAH YANG MENCETUSKAN KLUSTER BAHARU PENULARAN COVID-19 DI NEGERI SABAH**

- 1 Kerajaan Negeri mengambil maklum bahawa sejak 1 Januari 2022 sehingga 26 Januari 2022, terdapat sejumlah enam (6) Kluster Institusi Pendidikan aktif dan enam (6) lokaliti di bawah pemantauan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah melibatkan fasiliti pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- 2 Ini telah mencetuskan kebimbangan dan menjadi agenda perbincangan di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri Sabah pada 26 Januari 2022 yang prihatin dengan laporan tren jangkitan COVID-19 yang berlaku di beberapa buah sekolah di negeri ini. Justeru, tindakan proaktif dan bersifat preventif perlu dilaksanakan dengan segera bagi membendung penularan COVID-19 di institusi pendidikan negeri Sabah dengan lebih luas.
- 3 **Dilaporkan setakat 28 Januari 2022 terdapat peningkatan kluster melibatkan Institusi Pendidikan di bawah seliaan KPM menjadikannya sepuluh (10) berbanding laporan sebelum ini.**
- 4 **Kerajaan Negeri melalui** Jawatankuasa Pengurusan Bencana COVID-19 Negeri Sabah yang bermesyuarat pada 26 Januari 2022 memutuskan supaya pelaksanaan tindakan berikut dibuat bagi mengurangkan risiko penularan COVID-19 **dan telah disampaikan melalui surat YB Setiausaha Kerajaan Negeri bertarikh 27 Januari 2022**, iaitu:
  - (a). Arahan penutupan sekolah yang didapati kluster baharu melibatkan kalangan pelajar sekolah **berkuat kuasa serta merta**;
  - (b). Tempoh pelaksanaan penutupan adalah selama **dua (2) hingga tiga (3) minggu** tertakluk kepada pengesahan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah; dan
  - (c). Sesi pembelajaran bagi semua pelajar sekolah yang akan menghadapi **peperiksaan utama boleh diteruskan** dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ketat di kalangan pelajar termasuk guru dan kakitangan insituti pendidikan berkenaan.

## **D STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH**

- 1 Penduduk Sabah yang menerima vaksin pada 27 Januari 2022 (menurut data daripada PICK Sabah) adalah seramai 7,252 orang. Daripada jumlah ini, seramai 7,189 orang adalah penduduk dewasa dan 63 orang adalah penduduk remaja.
- 2 Kumulatif penduduk Sabah yang telah menerima vaksin dos 1 setakat 27 Januari 2022 adalah seramai 2,454,029 orang. Ini meliputi 2,116,796 orang penduduk dewasa bersamaan dengan 76.74% jumlah penduduk dewasa. Manakala bagi penduduk Sabah yang menerima dos lengkap adalah seramai 2,409,891 orang. Daripada jumlah ini, seramai 2,097,098 orang atau 76.03% adalah penduduk dewasa.
- 3 Seramai 337,233 orang atau 77.70% penduduk remaja telah menerima 1 dos vaksin, manakala penduduk remaja yang telah lengkap dos vaksin adalah seramai 312,793 atau 72.07% orang setakat ini.

## **E BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **680,025** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **F LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM INFO ON WHEELS**

- 1 Sejumlah 11 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 5,802 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, tiada kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 44 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Tiada kompaun melanggar SOP COVID-19 dikeluarkan di seluruh Sabah.

- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 221 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 76 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan tiada tangkapan dibuat.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 1,022 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan.
  - ii DBKK telah menjalankan Operasi Pematuhan SOP ke atas 558 premis perniagaan dan 852 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.
- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 348 Premis Perniagaan melibatkan 151 anggota APM. Tiada Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan tiga (3) anggota di tiga (3) lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis, melibatkan dua (2) buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 50 hebahan awam di bawah program Info On Wheels Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan di tiga (3) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 119 hebahan di seluruh Sabah.

**G KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 4**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 4 pada hari ini ialah **98.1%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kunak	98.6%
2	Kudat	98.5%
3	Beluran	98.5%
4	Kinabatangan	98.4%
5	Semporna	98.3%
6	Beaufort	98.1%
7	Lahad Datu	98.1%
8	Sandakan	98.1%
9	Papar	98%
10	Kota Kinabalu	98%
11	Tuaran	98%
12	Tawau	98%
13	Sipitang	98%
14	Tenom	98%
15	Kota Belud	97.9%
16	Keningau	97.8%
17	Ranau	97.8%
18	Kota Marudu	97.7%
19	Penampang	97.5%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**